

10 JUN 1998

Ladang

PERJANJIAN BARU PEKERJA LADANG DIBINCANG AKHIR JUN

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Rundingan bagi Perjanjian Bersama yang baru antara pekerja ladang dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) akan bermula sebelum akhir bulan ini, kata Setiausaha Eksekutif Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) A. Navamukundan hari ini.

Katanya, NUPW akan menyerahkan beberapa cadangan MAPA untuk struktur gaji yang baru dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kebajikan pekerja ladang.

"Satu draf perjanjian bersama mengenai kadar gaji dan faedah sampingan telah digariskan dan akan dikemukakan dalam perundingan itu," katanya.

Dalam perkembangan yang berkaitan, sekumpulan kira-kira 100 orang berhimpun di luar pintu masuk ke Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini untuk menyerahkan sepucuk surat yang memohon untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota kumpulan itu mendakwa bahawa mereka adalah anggota jawatankuasa pekerja ladang tetapi Navamukundan ketika dihubungi mengenai perhimpunan itu berkata, NUPW tidak terbabit dengan perkara itu.

Kumpulan itu, menerusi jurucakapnya S.Arulchelvan berkata mereka mahu Dr Mahathir campur tangan dalam permintaan mereka untuk bayaran gaji yang lebih baik.

Surat mereka kepada Perdana Menteri diserahkan kepada seorang pegawai dari Pejabat Perdana Menteri di bilik pengawal.

Arulchelvan memberitahu pemberita di luar bilik pengawal itu bahawa pada masa ini pekerja ladang dibayar kira-kira RM500 sebulan.

Tetapi memandangkan keadaan ekonomi sekarang, mereka meminta bayaran minimum RM750 sebulan, kenaikan tahunan sebanyak RM50 dan faedah pencen sebanyak RM100 sebulan bagi setiap tahun perkhidmatan, katanya.

Mengulas mengenai perkara itu, Navamukundan berkata NUPW akan berbuat yang terbaik untuk mendapatkan tawaran perjanjian yang lebih baik bagi pekerja ladang dengan MAPA mengikut undang-undang buruh kebangsaan.

-- BERNAMA

AKT RHM